

Kuasa Pengguna
oleh Dr Zulkipli Omar
Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Ungkapan “pengguna adalah raja” bertepatan dengan sistem ekonomi pasaran bebas seperti yang diamalkan di Malaysia. Di dalam sistem ini, pengguna “menentukan” harga pasaran. Penentuan harga ini adalah secara tidak langsung melalui ragam pengguna yang berkelakuan secara rasional. Kelakuan rasional pengguna ini merupakan asas kepada hukum permintaan yang menyatakan bahawa kuantiti yang diminta akan menurun sekiranya harga meningkat, dan sebaliknya.

Di dalam sistem pasaran bebas, harga juga merupakan isyarat yang mempengaruhi tingkahlaku pengeluar di dalam ekonomi. Penawaran akan meningkat sekiranya harga naik dan sebaliknya. Kesudahannya, isyarat harga di dalam sesebuah ekonomi akan menyumbang kepada peruntukan sumber yang cekap. Ini bermakna, manfaat maksima dikecapi oleh masyarakat umum.

Namun demikian, terdapat barangan atau perkhidmatan yang harganya ditetapkan melalui undang-undang. Kebiasaannya, penentuan harga oleh kerajaan ini adalah untuk kepentingan umum. Terdapat barangan yang mana pengeluaran atau pengagihannya kurang cekap, disebabkan oleh kepincangan di dalam sistem pengeluaran atau pengagihan, samaada secara semula jadi atau ciptaan manusia. Jika ini tidak ditangani, sesetengah golongan di dalam masyarakat akan mendapat untung yang berlebihan dengan menyusahkan golongan yang lain kebiasaannya majoriti.

Sistem kawalan harga mampu memberi manfaat yang besar kepada masyarakat umum umpamanya terhadap barangan yang memerlukan sumber yang terhad yang dikawal oleh segolongan kecil pengeluar. Barangan tersebut pula penting kepada masyarakat

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

umum. Di dalam konteks ini, isyarat harga masih berfungsi dan sumber diagihkan secara cekap di dalam ekonomi. Pengeluar mendapat untung yang berlipat ganda dengan pengawalan sumber tersebut, dan ini tidak bertentangan dengan sistem pasaran bebas.

Namun dari perspektif masyarakat umum ianya di lihat sebagai kurang adil. Jadi kerajaan memainkan peranan untuk membantu pengguna dengan cara penentuan harga melalui undang-undang. Kaedah ini seolah-olah mengagihkan keuntungan pengeluar yang besar kepada pengguna. Bermakna, penurunan harga yang berlaku di dalam ekonomi menguntungkan sesetengah pihak namun perlu dibayar oleh pihak yang lain. Maka ianya bukanlah suatu manfaat hakiki yang menyeluruh untuk ekonomi. Bermakna, ekonomi sepatutnya berkembang dengan lebih pesat tanpa campurtangan, dan kesannya lebih menguntungkan masyarakat.

Kecekapan pengagihan sumber di dalam ekonomi untuk memaksimumkan kesejahteraan rakyat umum perlu berdasarkan dua premis. Pertama, harga sentiasa merupakan isyarat yang bertanggungjawab menentukan pengagihan sumber yang cekap di dalam ekonomi. Kedua, campurtangan kerajaan hanya perlu untuk menentukan keadilan agihan sumber kepada masyarakat umum dengan mengatasi kepincangan yang wujud di dalam sistem pengagihan atau pengeluaran.

Berdasarkan premis tersebut, jelas bahawa punca utama yang menyumbang terhadap tanggapan bahawa pengguna berhadapan dengan harga yang tinggi adalah berpunca dari sudut penawaran, disebabkan oleh isu-isu berkaitan samada pengeluaran atau pengagihan. Bermakna campurtangan kerajaan yang paling baik adalah dengan menumpukan terhadap kepincangan di sudut penawaran. Jika ini dilakukan, kecekapan pengagihan sumber di dalam ekonomi dapat dikekalkan kerana tiada gangguan terhadap kuasa pasaran. Contohnya, dengan cara menambahkan lesen untuk pengedar, sekiranya lesen diperlukan, supaya proses pengagihan lebih cekap. Bantuan infrastruktur atau kewangan juga mampu meningkatkan kapasiti pengeluaran. Dalam pada itu, proses pemantauan terhadap kawalan harga juga melibatkan kos kepada kerajaan, yang boleh digunakan untuk tujuan yang lebih produktif.

Campurtangan kerajaan menentukan harga walaupun mampu membantu memberi manfaat kepada pengguna, namun ianya adalah dijangka tidak optima kepada ekonomi keseluruhan. Sumbangannya terhadap ekonomi paling baik pun bersifat sementara, malahan mungkin lebih buruk untuk masyarakat dari sudut jangka panjang. Umpamanya, kualiti barangan mungkin dikompromi oleh pengeluar dalam usaha untuk mengekalkan keuntungan dengan pengurangan kos. Pengurangan kos pula adalah merupakan intipati kepada sistem ekonomi pasaran bebas untuk mengekalkan daya saing.

Perlu diingat sebagai sebuah negara kecil, eksport merupakan penyumbang penting kepada ekonomi Malaysia. Kualiti produk amat penting untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Kita tidak ingin melihat pengeluar hanya mengeluarkan produk yang kurang berkualiti untuk pasaran tempatan kerana tidak mampu bersaing di peringkat global. Negara akan rugi dari segi kekurangan pendapatan dari pasaran antarabangsa dan kita sebagai pengguna terpaksa menerima produk yang kurang berkualiti.

Langkah kerajaan mengenakan kawalan harga untuk sesetengah barangan yang menguntungkan pengguna merupakan suatu handikap dan iannya dialu-alukan. Namun pengguna perlu menyedari hakikat bahawa pemberian handikap tidak boleh berterusan kerana ianya merugikan negara dalam jangka panjang. Rakyat jelata perlu menerapkan suatu anjakan pemikiran yang lebih bersesuaian dengan sebuah negara maju yang ingin kita lihat menjelang 2020. Negara memerlukan pengeluar yang mampu bersaing di peringkat global. Jadi suatu anjakan pemikiran yang diharapkan adalah dari usaha kerajaan terhadap membantu pengguna kepada usaha yang lebih produktif dengan memberi rangsangan dari sudut penawaran.

Rangsangan penawaran, antara lain, termasuk mempermudah proses pengeluaran, pengagihan dan seumpamanya. Asas kepada campurtangan kerajaan perlu berpaksikan kepada peningkatan daya saing para peniaga tempatan. Kesan akhirnya adalah penurunan kos purata menjalankan perniagaan di Malaysia. Kesan ini seterusnya diterjemahkan bukan sahaja kepada harga barangan yang lebih rendah di pasaran, malahan yang lebih utama adalah peningkatan pendapatan isi rumah hasil dari pertumbuhan ekonomi negara.

